

NO. SOALAN: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

**TARIKH : 2.11.2017 (KHAMIS)**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan berapakah jumlah aduan kes perniagaan *online* melibatkan peniaga luar negara diterima Kementerian sejak 2015 hingga 2017 dan apakah langkah jangka masa panjang Kementerian dalam mengekang modus operandi peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab.**

## JAWAPAN:

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Dari tahun 2015 sehingga 31 Oktober 2017, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menerima **70 aduan** bagi kes perniagaan atas talian (*online*) yang melibatkan peniaga luar negara.

Sebagai kementerian yang prihatin dan serius di dalam menangani kes penipuan atas talian (*online*), KPDNKK sentiasa meningkatkan usaha untuk membanteras penipuan perniagaan secara atas talian, antaranya melalui pendekatan seperti berikut:

- i) Menggalakkan peniaga *online* mendapatkan **pensijilan SSM BizTrust**;
- ii) Mewujudkan **pasukan khas** yang aktif memantau laman sesawang dan media sosial bagi memastikan pematuhan undang-undang serta responsif terhadap aduan yang diterima;
- iii) Mewujudkan kerjasama dengan pengendali tapak pasar *online* (*online marketplace operator*) untuk **meletakkan Notis Amaran** di laman web mereka, **menyenarai hitam peniaga** yang pernah disabitkan dengan kesalahan penipuan dan **menurunkan kandungan** yang berunsur penjualan barangan tiruan atau penipuan;
- iv) Berkerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk **menghalang akses laman web** yang melanggar undang-undang di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;

- v) Berkerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan CyberSecurity Malaysia dalam **aktiviti risikan dan operasi**; dan
- vi) Menkuatkuasakan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 12**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) secara terperinci berapakah jumlah aduan pemilik kenderaan terhadap penukaran hak milik kenderaan oleh JPJ tanpa diketahui oleh mereka sejak tahun 2010 ke 2017 ; dan
- (b) apakah hasil siasatan terhadap aduan pemilik kenderaan BHR 6260 pada 2 Oktober 2017 mengenai kenderaannya ditukar hak milik walaupun beliau tidak pernah membuat sebarang transaksi tukar milik di JPJ.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan rekod, aduan yang diterima oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dari tahun 2010 hingga 2017 berhubung kes pertukaran hak milik kenderaan tanpa kebenaran pemunya berdaftar kenderaan adalah sebanyak 286 kes atau 0.003% berbanding bilangan transaksi tukar milik sebanyak 10,835,858 transaksi. Secara puratanya bilangan aduan bagi tempoh 8 tahun tersebut adalah 35 kes setahun berbanding bilangan purata transaksi tukar milik tahunan bagi tempoh yang sama sebanyak 1,354,482 transaksi.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Aduan berhubung kes tukar hak milik kenderaan nombor pendaftaran BHR 6260 telah diterima oleh JPJ Negeri Sembilan pada 5 Oktober 2017. Sehubungan itu, Unit Integriti, JPJ sedang menjalankan siasatan terperinci bagi kes ini dan perkembangan kes akan dimaklumkan kepada pengadu atau pemunya berdaftar setelah siasatan selesai dijalankan. Tindakan susulan juga akan diambil selaras dengan keputusan dari hasil siasatan tersebut.